

Kilang pintar, hijau AMB di Enstek

PETALING JAYA – Ajinomoto (M) Berhad (AMB) telah membuka kilang mesra alam baha-runya yang seluas 18.4 hektar di Bandar Enstek Halal Hub, Negeri Sembilan sempena sambutan ulang tahun syarikat yang ke-60 di Malaysia.

Pengarah Urusan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Tomoharu Abe berkata, kilang baharu yang berpindah dari Jalan Kuchai Lama ke Bandar Enstek itu merupakan kilang pintar dan bangunan hijau yang diperakui.


Menurutnya, teknologi canggih yang mengoptimumkan operasi melalui automasi dan pengdigitalan telah diperbadankan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti.

“Kilang baharu itu telah direka untuk menyediakan suasana yang kondusif dan mesra kerja bagi para pekerja, dilengkapi dengan fasiliti rekreasi.

“Selain itu, kilang tersebut juga menggalakkan penglibatan pelanggan dan kelestarian alam sekitar,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan bersempena majlis pelancaran kilang baharu itu yang disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Muhriz Ibni Almarhum Tuanku Munawir baru-baru ini.

AMB telah memulakan ope-



KILANG pintar dengan bangunan hijau di Bandar Enstek, Negeri Sembilan bakal mengukuhkan lagi kedudukan AMB di pasaran tempatan serta bakal menjadi Pusat Pengeluaran Halal dan Bahan Khas Sedunia.



ABE (kanan) pada majlis perasmian kilang baharu AMB baru-baru ini.

rasi perniagaannya bagi pengedaran perencah umami Ajinomoto yang diimport di Kuala Lumpur pada 1961 dan merupakan antara syarikat Jepun pertama yang ditubuhkan di Malaysia.

Syarikat tersebut telah memulakan pengeluaran perencah umami Ajinomoto yang disahkan halal secara tempatan.

Rangkaian produk pengguna semasa syarikat selain perencah umami Ajinomoto adalah penambah rasa Tumix, Rasa SifuTM, Aji-Shio, perencah khusus menu Seri Aji, aminoVital, Pal

Sweet selain rangkaian produk perindustrian terdiri daripada Tencho dan Activa.

Abe berkata, matlamat AMB adalah untuk menjadi Pusat Pengeluaran Halal dan Bahan Khas Sedunia bagi memenuhi permintaan untuk perencah makanan dan produk halal yang kian meningkat di peringkat tempatan dan antarabangsa.

Tambah beliau, premis kilang baharu itu kini merangkumi 60 peratus daripada 18.4 hektar dan mempunyai ruang untuk pembangunan masa hadapan.